





1100033041



LI 1 FPE 1 2003




1100033041  
Laporan akhir latihan industri di Institut Latihan Perindustrian  
Kuala Terengganu, Terengganu / Azhari Jaafar.

**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100033041		

Lihat sebelah



Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri di mata-mata **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM** tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN  
KUALA TERENGGANU**

Disediakan Oleh

**AZHARI BIN JAAFAR**

Sarjana Muda Pengurusan

( Polisi dan Sekitaran Sosial )

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial

**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

(KUSTEM)

2003

**1100033041**

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya AZHARI BIN JAAFAR NO MATRIK UK6010

mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan tersebut

Tandatangan



---

Nama: AZHARI BIN JAAFAR

Tarikh: 6 OKTOBER 2003

Disahkan Oleh:



---

**Penyelia KUSTEM  
B /p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM**

# **TERISTIMEWA UNTUK BONDA DAN AYAHANDA TERCINTA**

Alus bt Bakar

Jaafar bin Busu

## **KEKANDA**

Hindun, Amiran, Za, Zana, Rashahuddin, Hanafi, Hairuddin, Surati

## **ADINDA**

Salasiah,

Fakihah, Akilah, Mohd Alif

Terima kasih di atas pengorbanan dan dorongan yang diberikan  
selama ini.....

## ***Penghargaan***

*Assalamualaikum.....*

Syukur kepada Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan laporan industri ini walaupun menghadapi pelbagai kesulitan. Namun dengan penuh keyakinan dan keazaman yang tinggi laporan dapat disempurnakan. Laporan industri merupakan bingkisan pengalaman dan ulasan situasi semasa menjalani latihan industri di Institut latihan Perindustrian (ILP) Kuala Terengganu. Sesungguhnya penghasilan laporan ini merupakan suatu sumbangan yang termampu dilakukan untuk tujuan intelektual dan semoga mendapat manfaat bersama.

Dikesempatan ini ingin diucapkan jutaan terima kasih khas untuk Penyelia Industri, Puan Norlela Binti Mustaffa merangkap Penolong Pengarah Unit Pembangunan Latihan. Tunjuk ajar dan sumbangan beliau kepada saya amat dihargai khususnya ketika untuk menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan. ILPKT akan terpahat dalam ingatan sebagai suatu tempat permulaan bagi membina karier atau kerjaya dalam kehidupan.

Sekalung penghargaan buat insan yang amat dihormati iaitu Cik Nor Hayati binti Sa`at yang bertindak sebagai Penyelia KUSTEM. Bimbingan oleh beliau akan sentiasa dalam ingatan. Tidak lupa juga kepada Tuan Haji Zainudin Haji Ahmad iaitu pengarah ILPKT dan semua staf-staf yang banyak membantu. Semoga tali kemesraan tidak terputus disini sahaja...

*Wassalam.....*

## SENARAI KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
Penghargaan	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vi
Senarai Singkatan	vii
Ringkasan Eksekutif	viii
 <b>BAB 1: LATAR BELAKANG INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Sejarah Ringkas Organisasi	3
1.2 Objektif Penubuhan ILP	5
1.3 Matlamat Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu	7
1.4 Peranan Dan Fungsi Ilp	9
1.5 Cara Kemasukan Dan Kelayakan Am	11
1.6 Bidang Kursus Yang Ditawarkan	12
1.7 Tumpuan Pasaran	17
1.8 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	18
1.9 Maklumat Organisasi	20
1.10 Carta Organisasi	21
1.10.1 Struktur Organisasi	22
1.10.2 Unit Pengurusan Latihan	23
1.10.3 Unit Pentadbiran Kewangan	25



1.10.4	Unit Pembangunan Kemahiran	27
1.10.5	Unit Kawalan Teknikal	29
1.11	Aktiviti Organisasi	30
1.11.1	Melaksanakan Program Latihan Sepenuh Masa / Separuh Masa	30
1.11.2	Menyediakan Bahan Pembelajaran Dan Menilai Keberkesanan Latihan	31
1.11.3	Melapor Kemajuan Latihan Dan Mencadang Pengubahsuaian Latihan Mengikut Keperluan	32
1.12	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	33
 <b>BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN</b>		
2.0	Mengesan Sistem Sedia Ada	35
2.1	Pengenalpastian Masalah	40
2.1.1	Masalah Displin Pelajar	41
2.1.2	Masalah Kelewatan Kontraktor Menyiapkan Projek	42
2.1.3	Kesilapan Mengisi Borang Permohonan	43
2.3	Cadangan Penyelesaian	44
2.4	Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	47
<b>3.0</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>50</b>
	<b>RUJUKAN</b>	<b>52</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>53</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1 Kursus Sepenuh Masa di ILPKT	13
Jadual 1.2 Kursus Separuh Masa di ILPKT	15

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 1 Peta ILPKT	4
Rajah 2 Carta Organisasi	21

## SENARAI SINGKATAN

<b>ADK</b>	- Agensi Dadah Kebangsaan
<b>ADTEC</b>	- Pusat Latihan Teknologi Tinggi
<b>CIAST</b>	- Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
<b>ILJTM</b>	- Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia
<b>ILP</b>	- Institut Latihan Perindustrian
<b>ILPKT</b>	- Institut Latihan perindustrian Kuala Terengganu
<b>IPTA</b>	- Institut Pengajian Tinggi Awam
<b>JMTI</b>	- Institut Teknikal Jepun-Malaysia
<b>JTM</b>	- Jabatab Tenaga Manusia
<b>JTR</b>	- Jabatan Tenaga Rakyat
<b>MLVK</b>	- Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
<b>MPP</b>	- Majlis Perwakilan Pelajar

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Saya telah menjalani latihan praktikal bermula pada 10 Mac hingga 31 Mei di Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu (ILPKT). Saya telah ditempatkan di Unit Pengurusan Latihan sepanjang tempoh praktikal di bawah seliaan Penolong Pengarah Unit Pengurusan Latihan iaitu Puan Norlela Bt Mustaffa. Beliau merupakan orang kedua terpenting di ILPKT selepas Pengarah ILPKT iaitu Tuan Haji Zainuddin bin Haji Ahmad.

Pada permulaan saya menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja di ILPKT. Ini merupakan pengalaman baru bagi saya dalam alam pekerjaan. Bagaimanapun kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan oleh kakitangan membantu dalam penyesuaian dan memudahkan pelaksanaan tugas yang diberikan. Sesuatu yang menarik di sini ialah hubungan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh kakitangan. ILPKT mempunyai 4 unit utama iaitu Unit Pengurusan Latihan, Unit Pembangunan Teknikal Unit Pentadbiran dan Kewangan serta Unit Kawalan. Setiap unit mempunyai peranan masing-masing dan mereka bekerja seperti dalam satu keluarga serta saling membantu di antara unit-unit tersebut.

ILPKT merupakan sebuah institut yang mempunyai infrastruktur yang lengkap dan memberikan cukup keselesaan kepada warga institut tersebut dari segi fizikal. Sungguhpun begitu, proses pembinaan infrastruktur ini menghadapi masalah kelewatan kontraktor dalam menyiapkan kontrak seperti yang telah ditetapkan. Keadaan ini menyulitkan pihak ILPKT untuk menguruskan soal pembayaran dan menjejaskan perancangan untuk projek yang lain. Walaubagaimanapun, projek tetap diteruskan demi memberikan persekitaran yang selesa sekalian warganya.

Apa yang mendukacitakan, usaha-usaha ini seolah-olah tidak dihargai dan menimbulkan salah laku yang bertentangan dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh institut. Mereka agak sukar dikawal dan ianya mungkin berpunca dari latarbelakang keluarga dan akademik. Jika diselidiki permohonan ke ILPKT mendapat sambutan yang begitu menggalak oleh golongan belia dan remaja khususnya lepasan sekolah. Ianya datang dari pelbagai latarbelakang dan semestinya sukar untuk memilih yang terbaik. Seperkara lagi borang permohonan kemasukan pelatih ke institut ini juga menimbulkan masalah kepada pihak ILPKT iaitu banyak kesilapan yang telah dibuat ketika pengisian yang berpunca dari kekeliruan dan kefahaman yang kurang jelas mengenai cara yang betul untuk mengisi borang tersebut.